

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN ANUGERAH BUKU KARYA SUNTINGAN

1.0 NAMA ANUGERAH	Anugerah Penerbitan – Anugerah Buku Karya Suntingan
2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH	Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf individu yang cemerlang dalam penulisan Buku Karya Suntingan. Pemberian anugerah ini adalah berdasarkan syarat pencalonan dan kriteria penilaian Anugerah Buku Karya Suntingan.
3.0 KATEGORI ANUGERAH	Buku Karya Suntingan terbitan tahun 2025 oleh Penerbit UTM Press atau *Penerbit Luar (a) Kategori Sains dan Teknologi (S&T) (b) Kategori Sains Sosial (SS)
4.0 KRITERIA/ SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	<p>KRITERIA PENILAIAN</p> <ol style="list-style-type: none">(1) Buku Karya Suntingan disunting oleh seorang atau dua orang penyunting.(2) Buku Karya Suntingan ini mesti menampilkan satu tema dengan fokus yang jelas dan menarik.(3) Bab pertama mesti ditulis oleh penyunting untuk menerangkan tema dan bidang Buku Karya Suntingan tersebut, serta mengikat semua bab yang dihimpun.(4) Bab seterusnya ditulis oleh seorang atau tidak lebih daripada empat orang penulis.(5) Setiap bab ditulis dalam bentuk struktur dan format sebuah buku dan bukan kumpulan kertas kerja.(6) Semua bab ditulis berdasarkan idea yang berkesinambungan antara satu sama lain.(7) Semua bab menggunakan reka letak halaman, atur huruf, dan gaya rujukan yang konsisten.(8) Penyunting dan penulis tidak boleh menjadi penulis bab melebihi 30% dari keseluruhan bab. <p>SYARAT-SYARAT PERMOHONAN/ PENCALONAN</p> <ol style="list-style-type: none">(1) Calon : Hendaklah terdiri daripada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu salah seorang penyunting yang masih berkhidmat dalam tahun penganugerahan.(2) Pencalonan: Buku Karya Suntingan terbitan Penerbit UTM Press secara automatik akan dicalonkan. Setiap pencalonan daripada penerbit luar perlu mendapat sokongan dan diperakukan oleh Dekan/Timbangan Dekan/ Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik Fakulti.

	<p>(3) Bilangan Penyunting: Buku Karya Suntingan yang dihasilkan oleh seorang atau dua orang penyunting.</p> <p>(4) Jenis Buku Karya Suntingan yang layak dicalonkan: Hanya Buku Karya Suntingan yang melalui proses penerbitan secara formal terbitan Penerbit UTM <i>Press</i> atau *Penerbit Luar yang diterbitkan dalam tahun dinilai, yang mempunyai ISBN dan data pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).</p> <p>(5) Hanya Buku Karya Suntingan edisi pertama cetakan tahun yang dinilai sahaja layak dicalonkan.</p> <p>(6) Buku Karya Suntingan diterbitkan oleh penerbit dalam atau luar negara yang berwibawa, mengamalkan sistem pewasitan dan amalan penerbitan yang piawai.</p> <p>(7) Keseluruhan Buku Karya Suntingan hendaklah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja.</p> <p>(8) Bahan Bukti Penyertaan: Pencalonan hendaklah disertakan dengan empat (4) Buku Karya Suntingan bercetak atau format elektronik yang boleh diterima seperti PDF, EPUB, ePUB3 atau yang setaraf. Semua Buku Karya Suntingan bagi terbitan penerbit luar tidak akan dikembalikan.</p> <p>(9) Tarikh tutup pencalonan: Pencalonan Buku Karya Suntingan terbitan penerbit luar hendaklah dihantar kepada urusetia selewat-lewatnya pada 21 April 2026 sebelum atau pada jam 5.00 petang.</p> <p>(Nota: *Penerbit luar ditakrifkan sebagai penerbit dalam negara yang menganggotai <i>Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)</i>, <i>Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association – MABOPA)</i>/ menganggotai <i>Persatuan Penerbit Buku Bumiputera (Bumiputera Book Publishers Association–IKATAN)</i>/Pusat Penyelidikan/Badan Profesional/Badan Bukan Kerajaan dan termasuk penerbit antarabangsa yang melakukan proses penerbitan secara formal: melalui proses penilaian dan penyuntingan atau mempunyai lembaga editorial).</p>
--	--

5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

i. Kaedah Penilaian	Setiap karya dinilai oleh tiga (3) orang penilai. Dua (2) orang penilai pakar bidang dari dalam atau luar UTM dan seorang penilai teknikal dalam kalangan ahli panel. Semua karya perlu melepasi saringan awal daripada panel teknikal.
----------------------------	---

6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:

ii. Kaedah Pemarkahan	<p>Kriteria :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penilaian Pakar Bidang (70%) ii. Penilaian Teknikal Buku Penyelidikan (30%)
------------------------------	--

	Penilaian Keseluruhan meliputi: 40% - Keaslian dan Kekuatan 30% - Gaya Penulisan dan Bahasa 20% - Gaya Penerbitan 10% - Etika
	Markah yang layak untuk dicalonkan sebagai pemenang Hadiah Utama: 75% dan ke atas

7.0 KOS HADIAH

Anugerah	Kategori	Pemenang	Hadiah
Anugerah Buku Karya Suntingan	Sains dan Teknologi	Pemenang Utama	RM1,000.00 dan sijil
	Sains Sosial	Pemenang Utama	RM1,000.00 dan sijil